

# Musa akui tidak sedar dirinya disindir tak sabar jadi ketua

Bekas TPM anggap Dr Mahathir bijak tak pilih Ku Li yang didakwa ancaman terdekat

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tun Musa Hitam menyifatkan beliau 'Timbalan Perdana Menteri bodoh' kerana tidak sedar menjadi sasaran sindiran ketika bersama Tun Dr Mahathir Mohamad bergandingan menerajui Kabinet pada 1980-an.

"Dalam mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT UMNO), ketika itu Dr Mahathir beritahu kepada seluruh ahli MKT, dia cakap 'ada seorang daripada kita yang tak sabar nak ambil alih jawatan sebagai ketua dalam UMNO'.

"Ada satu malam pula, dia (Dr Mahathir) kata 'ada dengar bahawa orang ini jahat'. Saya pun macam bodoh dan (ketika itu) saya duduk sebelah pemimpin yang sangat penting (Dr Mahathir) kerana saya timbalan.

"Saya pusing (tanya) siapa (individu) yang dia cakap ini. Percaya atau tidak, saya tanya siapa dia, ada yang beritahu 'you' lah (kamu)," dedahnya mengenai peristiwa lebih 35 tahun ketika berucap melancarkan buku 'Ku Li: Memoir 205', di sini semalam.

Dedah bekas Timbalan Perdana Menteri (TPM) dan bekas Tim-

balan Presiden UMNO itu lagi, beliau kemudian membuat keputusan meletak jawatan.

"Hari seterusnya, saya beritahu nak lepas (jawatan TPM), semudah itu. Walaupun bos sayangkan saya dan kemudian berhenti sayangkan saya kerana saya tak boleh buat kerja, Timbalan Perdana Menteri bodoh, dia (Dr Mahathir) terperanjat," katanya.

## Ku Li lebih pintar

Musa juga mengakui, pernah marah, berang dan melenting dengan tindakan Dr Mahathir melantik Ku Li sebagai Menteri Perdagangan dan Industri walaupun tewas kepadanya dalam pemilihan UMNO.

"Ku Li kalah dan saya menang, Mahathir lantik Ku Li sebagai Menteri Perdagangan dan Industri. Saya punya marah, berang dan melenting. Saya tengok rupanya Ku Li yang saya lawan, Mahathir ambil (lantik dalam Kabinet).

"Menunjukkan betapa bodohnya saya dalam politik ketika itu," katanya, namun mengangap Dr Mahathir ahli politik yang bijak kerana memilih dirinya sebagai TPM berbanding Tengku Razaleigh yang dianggap lebih pintar.

"Sebagai ahli politik, Musa memang bodoh. Bagi Dr Mahathir, di antara saya dan Ku Li, saya adalah pilihan yang lebih baik sebab saya bodoh, tak ada duit dan tak pandai. Sebaliknya Ku Li ancaman terdekat (kepada Dr Mahathir ketika itu).

"Masalah terbesar Dr Mahathir ialah Ku Li," katanya merujuk krisis UMNO pada peng-



Musa pada majlis pelancaran buku Tengku Razaleigh Hamzah bertajuk Ku Li: Memoir 205 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Rohanis shukri/BH)

ujung 1980-an yang menyaksikan parti itu diharamkan mahkamah, berpunca daripada persaingan kem Mahathir dengan kem Tengku Razaleigh yang disokong Musa.

Ia kemudian membawa kepada penubuhan Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46) diketuai bekas Ahli Parlimen Gua Musang yang juga bekas Menteri Kewangan itu, namun tidak disertai Musa sebelum parti itu dibubarkan dan Ku Li kembali menyertai UMNO.

Mengakui yakin Ku Li boleh menjadi Perdana Menteri jika tiada pertembungan dengan Dr Mahathir, Musa turut mendedah-

kan punca tidak menentang Dr Mahathir dalam pemilihan parti yang kemudian membawa kepada pengharaman UMNO pada 1988.

Menurut bekas Menteri Dalam Negeri itu, kekangan utama ialah wang walaupun Kumpulan B UMNO disertai Tun Abdullah Badawi dan Tan Sri Shahrir Samad, menjadikannya perlu bersikap realistik.

Mengenai hubungannya dengan Dr Mahathir ketika ini, Musa menegaskan, hubungan mereka baik serta tiada masalah dan setiap kali terjumpa atau berjumpa, mereka kami bersalaman serta bergurau senda.